IOI CORPORATION BHD

lwn.

PENTADBIR TANAH SEGAMAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI H
[PERUJUKAN TANAH NO: 15-5-2008 & 15-6-2008]
20 MEI 2011

UNDANG-UNDANG TANAH: *Pengambilan tanah - Pampasan - Permohonan terhadap amaun pampasan - Penilai kerajaan dan penilai pemohon menggunakan kaedah menilai berbeza - Sama ada lot-lot tanah sebahagian daripada tanah ladang yang tertakluk kepada sekatan di bawah s. 214A Kanun Tanah Negara - Sama ada pampasan yang wajar berdasarkan pampasan dimuktamadkan Mahkamah Tinggi dengan penyelarasan sesuai - Akta Pengambilan Tanah 1960, s. 40D(3)*

Ini adalah bantahan oleh perayu/pemohon ('pemohon') terhadap keputusan Pentadbir Tanah Daerah ke atas amaun pampasan yang ditawarkan kepada pemohon sebanyak RM1,770,743.669 ke atas pengambilan sebahagian tanah berkeluasan 29.947 hektar dari Lot 1474 (503.020 hektar) dan Lot 1478 (235.021 hektar) ('kedua-dua lot tanah tersebut') yang dimiliki oleh pemohon. Kedua-dua lot tanah tersebut telah dinilai oleh penilai kerajaan yang dilantik oleh responden dan penilai pemohon yang dilantik oleh pemohon bagi maksud pengambilan tanah untuk 'Projek Membina Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Mukim Sungai Segamat, untuk MARA Negeri Johor'. Pengambilan kedua-dua lot tanah tersebut telah diisytiharkan dalam Warta Kerajaan Negeri Johor No 3812 pada 11 Oktober 2007 mengikut s. 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 ('Akta tersebut'). Penilai kerajaan mendapati jumlah pampasan yang munasabah diberikan adalah sebanyak RM1,770,743.69 untuk 26.947 hektar (RM65,729.16) manakala nilaian yang dibuat oleh penilai pemohon pula adalah sebanyak RM29,006,600 bagi keluasan yang sama (RM1,076,431.51) sehektar. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) telah menerima penilaian oleh penilai kerajaan dan seterusnya memberikan pampasan sebagaimana disyorkan/dinilai oleh penilai kerajaan. Di atas amaun yang diawardkan oleh PTD tersebut, pemohon telah memfailkan bantahan ini.

Diputuskan (memberi amaun pampasan RM87,500 sehektar):

(1) Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan oleh kedua-dua penilai, kaedah yang terbaik dalam membuat penilaian terhadap kedua-dua lot tersebut adalah kaedah perbandingan. Perbandingan yang dibuat oleh penilai pemohon dengan tanah-tanah pegangan kecil adalah tidak sesuai. Kedua-dua lot tanah tersebut adalah merupakan sebahagian daripada tanah ladang yang tertakluk kepada sekatan di bawah s. 214A Kanun Tanah Negara. Malahan, perbandingan yang dibuat dengan tanah-tanah pegangan kecil ini tidak mengikut peruntukan sepertimana yang dinyatakan di dalam item 1(B) Jadual Pertama Akta tersebut. (perenggan 30)

(2) Nilaian tanah kedua-dua lot tersebut yang diperolehi oleh penilai responden yang menggunakan kaedah perbandingan juga tidak dapat diterima kerana penyelarasan yang dibuat oleh penilai berkenaan adalah tidak munasabah. Perbandingan yang paling sesuai ialah nilai pampasan terdahulu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi untuk pengambilan sebahagian daripada tanah daripada kedua-dua lot tersebut bagi tujuan menaiktaraf Jalan Gemas-Ayer Hitam di mana pampasan yang telah diberikan pada asalnya oleh Pentadbir Tanah Daerah adalah sebanyak RM62,000 sehektar. Walau bagaimanapun, mahkamah telah menambahkan award atau pampasan tersebut kepada RM70,000 sehektar. (perenggan 31 & 32)

(3) Pampasan yang wajar diperolehi bagi kedua-dua lot tersebut adalah berdasarkan kepada pampasan yang dimuktamadkan oleh Mahkamah Tinggi seperti yang disebut, dengan penyelarasan yang bersesuaian. Setelah diselaraskan, amaun pampasan yang berpatutan adalah RM87,500 sehektar. (perenggan 34)

(4) Tuntutan severance, disturbance dan damages yang dituntut oleh pemohon dan responden tidak dibenarkan, memandangkan tuntutan-tuntutan ini tidak dikemukakan atau dituntut semasa siasatan dibuat di hadapan Pentadbir Tanah selaras dengan peruntukan 4(b) Jadual Pertama Akta tersebut. (perenggan 36 & 37)

Kes-kes yang dirujuk:
Nanyang Manufacturing v. The Collector Of Land Revenue, Johore [1953] 1 LNS 59 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Land Acquisition Act 1960, ss. 8, 40D(3), 49(1), First Schedule 1(1B) National Land Code, s. 214A

Bagi pihak perayu - PR Chua; T/n Chua & Partners
Bagi pihak responden - Shahrizal Shaari; Penolong Penasihat Undang-undang, Johor

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi H:

[1] Ini adalah bantahan oleh perayu/pemohon (selepas ini dirujuk sebagai "pemohon") terhadap keputusan Pentadbir Tanah Daerah ke atas amaun pampasan yang ditawarkan kepada pemohon sebanyak RM1,770,743.69 pada 16 Mac 2008 ke atas pengambilan sebahagian tanah berkeluasan 29.947 hektar dari Lot 1474 (503.020 hektar) dan Lot 1478 (235.021 hektar) Mukim Sungai Segamat, Daerah Segamat, Johor Darul Takzim (selepas ini dirujuk sebagai "kedua-dua lot tanah tersebut") yang dimiliki oleh pemohon. Pemohon menerima tawaran pampasan tersebut dengan bantahan.

Kedudukan Undang-undang

[2] Secara umumnya, kami telah menambah jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh responden kepada pemohon iaitu sebanyak RM586,658.82 daripada jumlah pampasan yang telah diberikan oleh Pentadbir Tanah Daerah sebanyak RM1,770,743.69 menjadikan jumlah keseluruhan pampasan yang perlu dibayar sebanyak RM2,357,862.50 untuk 26.947 hektar tanah bagi kedua-dua lot tersebut.

[3] Seksyen 40D(3) Akta Pengambilan Tanah 1960 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta tersebut") dengan jelas menyatakan bahawa:

40D. Decision of the Court on compensation

(3) Any decision made under this section is **final** and there shall be **no further appea**l to a higher Court on the matter.

Seksyen 49(1) Akta yang sama sekali lagi menegaskan bahawa:

49. Appeal from decision as to compensation

(1) Any person interested, including the Land Administrator and any person or corporation on whose behalf the proceedings were instituted pursuant to section 3 may appeal from a decision of the Court to the Court of Appeal and to the Federal Court:

Provided that where the decision comprises an **award of compensation** there **shall be no appeal** therefrom.

[4] Maka adalah jelas bahawa sebarang keputusan yang diberikan oleh mahkamah terhadap pampasan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, bagi menjustifikasikan keputusan kami, berikut adalah faktor-faktor yang telah diambilkira dalam membuat keputusan terhadap bantahan yang difailkan oleh pemohon.

Latar Belakang Kes

[5] Sebahagian daripada kedua-dua lot tanah tersebut pernah dinilai sebelum ini sewaktu pengambilannya bagi tujuan projek menaiktaraf Jalan Gemas-Ayer Hitam oleh Kementerian Kerja Raya pada 6 November 2003 dengan nilaian sebanyak RM62,000 sehektar, tetapi di atas bantahan yang dikemukakan oleh pemohon melalui kes No. 15-80-09 dan 15-81-09 nilaian tersebut telah dinaikkan oleh Mahkamah Tinggi pada 3 September 2010 kepada RM70,000 sehektar.

[6] Kedua-dua lot tanah tersebut adalah sebahagian daripada Ladang Segamat. Luas keseluruhan Ladang Segamat adalah lebih kurang 2,107 hektar dan ditanami kelapa sawit. Kedua-duanya terletak di tepi KM 9 Jalan Segamat-Labis-Yong Peng. Bahagian yang terlibat dengan pengambilan adalah seluas 26.947 hektar (24.477 hektar bagi Lot 1474 dan 2.470 hektar bagi Lot 1478). Kedua-dua lot tanah tersebut telah dizonkan sebagai perumahan tetapi permohonan untuk dibangunkan sebagai perumahan belum mendapat kelulusan sepenuhnya oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) lagi.

[7] Kedua-dua lot tanah tersebut telah dinilai oleh penilai kerajaan yang dilantik oleh responden dan penilai pemohon yang dilantik oleh pemohon bagi maksud pengambilan tanah untuk "Projek Membina Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Mukim Sungai Segamat, Daerah Segamat, Johor Darul Takzim untuk MARA Negeri Johor". Pengambilan kedua-dua lot tanah tersebut telah diisytiharkan dalam Warta Kerajaan Negeri Johor No. 3812 pada 11 Oktober 2007 mengikut s. 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.

[8] Penilai kerajaan mendapati jumlah pampasan yang munasabah diberikan adalah sebanyak RM1,770,743.69 untuk 26.947 hektar (RM65,729.16 sehektar). Manakala nilaian yang dibuat oleh penilai pemohon pula adalah sebanyak RM29,006,600 bagi keluasan yang sama (RM1,076,431.51 sehektar). Pentadbir Tanah Daerah (PTD) telah menerima penilaian oleh penilai kerajaan dan seterusnya memberikan pampasan sebagaimana disyorkan/dinilai oleh penilai kerajaan.

[9] Di atas amaun yang diawardkan oleh PTD tersebut pemohon telah memfailkan bantahan ini.

Kaedah Yang Digunakan Dalam Membuat Penilaian Terhadap Kedua-dua Lot Tersebut Bagi Menentukan Pampasan Yang Wajar Diberikan

[10] Berdasarkan Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960, pampasan ditentukan berdasarkan nilai pasaran harta pada tarikh ia diwartakan. Maksud nilai pasaran seperti yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Nanyang Manufacturing v. The Collector Of Land Revenue, Johore* [1953] 1 LNS 59 ialah:

> The market value of land may roughly be described as the price that an owner willing and not obligated to sell might reasonably expect to obtain from a willing, purchaser with whom he has been bargaining for sale and purchase of land.

[11] Mengikut item (IB) Jadual Pertama Akta tersebut pula, nilai tanah hendaklah dirujuk kepada keseluruhan tanah sebagaimana yang ditunjukkan dalam dokumen hakmilik tanah dijadualkan dan selepas mengambil kira ciri-ciri tertentu bahagian itu.

[12] Dalam menentukan nilai pasaran harta tanah berkenaan, penilai kerajaan telah menggunakan kaedah perbandingan manakala penilai pemohon telah menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah perbandingan, kaedah nilai baki dan kaedah keuntungan.

Kaedah Perbandingan

[13] Dalam menggunakan kaedah perbandingan ini, kedua-dua penilai tidak menggunakan bukti perbandingan yang sama (common comparison). Masing-masing menggunakan perbandingan-perbandingan yang berbeza. Perbandingan yang digunakan oleh penilai pemohon adalah dengan membandingkan kedua-dua lot tanah tersebut dengan tanah-tanah pegangan kecil manakala penilai kerajaan membandingkan dengan jual beli tanah-tanah ladang serta potensi pembangunan yang ada setelah mengambil kira juga kelulusan tukar syarat yang diperolehi dan bukannya dengan tanah-tanah pegangan kecil. Ini adalah bertepatan dengan item 1(1B) Jadual Pertama Akta tersebut.

[14] Dalam membandingkan kedua-dua lot tanah tersebut dengan tanah-tanah pegangan kecil, pemohon menyatakan bahawa berdasarkan transaksi terkini, nilai tanah bagi tanah kelapa sawit adalah RM4 sekaki persegi manakala untuk tanah pertanian yang lebih kecil adalah RM6 sekaki persegi pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, bukti-bukti urusniaga ini dijalankan tidak dikemukakan.

[15] Penilai kerajaan dalam menentukan nilai pasaran kedua-dua lot tanah tersebut telah menggunakan prinsip bahawa bukti harga jualan atau balasan yang dibayar untuk sesuatu hartanah yang sebanding adalah merupakan nilaian pasaran hartanah yang terlibat. Dalam menggunakan kaedah ini, hartanah-hartanah yang sebanding telah dianalisis, diubahsuai dan diselaraskan untuk dibuat perbandingan bagi menunjukkan perbezaan dengan kedua-dua lot tanah tersebut. Antara faktor yang telah diambilkira oleh penilai kerajaan dalam menentukan nilai pasaran kedua-dua lot tanah tersebut adalah seperti bentuk dan rupa bumi hartanah, masa nilaian dibuat, lokasi hartanah, dan nilai pasaran hartanah lain di kawasan sekitar yang terhampir.

[16] Berpandukan bukti-bukti jualbeli yang sedia ada dan selepas mengambilkira semua faktor yang mempengaruhi nilai pasaran seperti yang dinyatakan di atas, penilai kerajaan berpendapat nilaian yang munasabah dan berpatutan untuk kedua-dua lot tanah tersebut adalah RM65,712.09 sehektar.

Kaedah Nilai Baki

[17] Dalam menggunakan kaedah ini penilai pemohon telah memperolehi nilai pasaran kedua-dua lot tersebut sebanyak RM12 satu kaki persegi.

[18] Penilai pemohon menggunakan kelulusan dasar bagi pembangunan kedua-dua lot tersebut yang diperolehi pada tahun 1998 sebagai asas untuk menilaikan kedua-dua lot tersebut sebagai tanah pembangunan berdasarkan pembangunan bercampur iaitu 20% untuk kegunaan perniagaan dan 80% untuk kegunaan kediaman. Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut hanyalah kelulusan dasar sahaja dan belum ada kelulusan yang muktamad untuk dijadikan asas penilaian. Pelbagai syarat dan peraturan perlu dipatuhi terlebih dahulu sebelum kelulusan muktamad diberikan. Tambahan pula terlalu banyak andaian yang diberikan oleh penilai pemohon tanpa disokong oleh bukti-bukti yang jelas. Ekoran itu asas yang digunakan ini menjadi kurang tepat.

[19] Selanjutnya kami dapati kaedah ini digunakan secara terlalu umum. Perbandingan yang digunakan ialah harga tawaran tapak pam minyak di Bandar Putra dengan harga RM60 satu kaki persegi dan harga jual beli tapak kosong rumah sebuah di Bandar Putra dengan harga RM30 satu kaki persegi. Tapak-tapak ini mempunyai luas bersih dan mempunyai hakmilik berasingan. Untuk tanah yang menjadi subject lot dalam rujukan ini, penilai pemohon telah menggunakan luas tanah kasar tanpa menolak keperluan serta keluasan rizab-rizab sekolah, balai raya, kawasan lapang, rezab jalan, lorong dan parit yang mesti diserahkan secara percuma kepada Pihak Berkuasa Negeri. Lagipun kelulusan Permohonan Serahbalik dan Kurnia Semula Peringkat Pertama yang dikemukakan hanya menyertakan mukasurat pertama sahaja. Ia tidak menunjukkan keseluruhan komponen-komponennya. Biasanya kelulusan belahbagi tanah terutama yang berskala besar (739.2897 hektar) bukan hanya untuk tapak perniagaan/TLK, tapak perniagaan terhad dan terminal pengangkutan bersepadu/kompleks perniagaan seperti yang ditunjukkan di ms 1 afidavit "IOI-1" tetapi juga lot-lot kediaman, lot-lot untuk rumah-rumah murah yang bilangannya tidak kurang dari 40% dan kawasan rezab lain yang diperlukan. Kawasan rezab-rezab perlu ini adalah seperti rezab-rezab sekolah, balairaya, kawasan lapang, jalan, parit dan lorong-lorong yang kebiasaannya boleh mengambil sehingga 50% dari keseluruhan kawasan. Maka developable area secara purata

hanyalah berbaki 50% sahaja. Dengan demikian perbandingan dengan menggunakan nilaian tapak pam minyak dan tapak kosong rumah sebuah *per se* seperti dinyatakan di atas adalah tidak relevan sama sekali.

[20] Penilai pemohon juga telah tidak mengambilkira diskaun harga 15% untuk lot Bumiputra. Lot-lot Bumiputra biasanya 40% dari semua unit selain dari rumah-rumah kos rendah.

[21] Bilangan rumah kos rendah yang mesti ada mengikut dasar sedia ada Kerajaan Negeri dalam satu-satu projek perumahan ialah 40%, terdiri seperti berikut:

10% – Kedai kos rendah harga kurang RM150,000.

20% – Kediaman jenis kos sederhana rendah harga tidak lebih RM80,000.

20% – Kediaman jenis kos sederhana rendah harga tidak lebih dari RM50,000.

50% – Kediaman jenis kos rendah harga tidak lebih RM30,000.

[22] Perkara-perkara ini semuanya tidak diambilkira oleh penilai pemohon.

[23] Dengan itu kami menolak penggunaan kaedah baki untuk menilai nilaian pasaran kedua-dua subject lot tersebut.

Kaedah Keuntungan

[24] Nilai pasaran yang diperolehi dengan menggunakan kaedah ini oleh penilai pemohon ialah RM5.50 satu kaki persegi.

[25] Sehubungan dengannya kami mendapati bahawa penilai pemohon telah mengandaikan hasil Minyak Sawit Mentah (MSM) [Crude Palm Oil (CPO)] yang akan diperolehi pada masa hadapan. Hasil ini setelah ditolak kos pengeluaran dipermodalkan untuk selama-lamanya (capitalised in perpetuity) pada kadar 3.5%.

[26] Harga MSM yang digunakan ialah RM3,600 satu ton jauh berbeza dengan harga yang diperolehi oleh pemilik (afidavit "IOI-8") seperti berikut:

Tahun	Harga MSM Setan (Hitung Panjang) RM
2003 (dari Julai)	1,664.92
2004	1,664.33
2005	1,395.08
2006	1,513.67
2007	2,460.67
2008	2,856.08
2009	2,243.92
2010 (hingga Jun)	2,543.42

[27] Perlu diingatkan bahawa tempoh hayat kelapa sawit hanya 25 tahun dan selepas itu ia perlu ditanam semula. Juga hanya selepas tiga tahun baru pokok sawit mengeluarkan hasil. Hasil meningkat hingga kemuncak pada umur tujuh tahun sehingga 20 tahun dan selepas itu hasil akan menurun semula. Perkara-perkara penting ini telah diketepikan begitu sahaja oleh penilai pemohon tanpa sebarang pertimbangan.

[28] Seterusnya dalam menggunakan kaedah ini penilai pemohon telah menggunakan harga CPO (crude palm oil) sedangkan hasil ladang yang dikemukakan di mahkamah adalah berdasarkan FFB (fresh fruit branch). Perbezaan harga yang semestinya wujud antara barangan CPO dan FFB ini juga tidak diambilkira oleh penilai pemohon. Penilai pemohon juga telah menilai dengan mengambilkira pendapatan akan datang melalui 'futures market' dan bukan pendapatan sebenar yang diperolehi. Ini menjadikan dapatan berkenaan adalah bersifat spekulatif tanpa disokong oleh bukti-bukti yang kukuh.

[29] Di atas alasan-alasan seperti diperincikan di atas, kami juga menolak penggunaan kaedah baki ini untuk menentukan nilai pasaran kedua-dua lot tersebut.

Keputusan Mahkamah Berkaitan Dengan Nilai Pasaran Tanah-tanah Tersebut

[30] Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan oleh kedua-dua penilai, kami berpendapat bahawa kaedah yang terbaik dalam membuat penilaian terhadap kedua-dua lot tersebut adalah kaedah perbandingan. Walau bagaimanapun, seperti dinyatakan di atas perbandingan yang dibuat oleh penilai pemohon dengan tanah-tanah pegangan kecil adalah tidak sesuai. Lagipun kedua-dua lot tanah tersebut adalah merupakan sebahagian daripada tanah ladang yang tertakluk kepada sekatan di bawah s. 214A Kanun Tanah Negara. Malahan, perbandingan yang dibuat dengan tanah-tanah pegangan kecil ini tidak mengikut peruntukan sepertimana yang dinyatakan di dalam item 1(1B) Jadual Pertama Akta tersebut.

[31] Nilaian tanah kedua-dua lot tersebut yang diperolehi oleh penilai responden yang menggunakan kaedah perbandingan juga tidak dapat kami terima kerana penyelarasan yang dibuat oleh penilai berkenaan adalah tidak munasabah.

[32] Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa perbandingan yang paling sesuai ialah nilai pampasan terdahulu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi untuk pengambilan sebahagian daripada tanah daripada kedua-dua lot tersebut bagi tujuan menaiktaraf Jalan Gemas-Ayer Hitam pada 6 November 2003 dalam kes LR 15-80-09 dan LR 15-81-09. Pampasan yang telah diberikan pada asalnya oleh Pentadbir Tanah Daerah adalah sebanyak RM62,000 sehektar.

[33] Walau bagaimanapun setelah kedua-dua kes tersebut dirujukkan ke mahkamah dan setelah rujukan kedua-dua kes tersebut dibicarakan pada 3 September 2010, Mahkamah Tinggi telah menambahkan awad atau pampasan tersebut kepada RM70,000 sehektar.

[34] Setelah mengambilkira semua fakta yang dikemukakan, kami memutuskan bahawa pampasan yang wajar diperolehi bagi kedua-dua lot tersebut adalah berdasarkan kepada pampasan yang dimuktamadkan oleh Mahkamah Tinggi seperti di atas, dengan penyelarasan yang bersesuaian. Setelah diselaraskan kami dapati amaun pampasan yang berpatutan adalah RM87,500 sehektar sebagaimana perincian berikut:

i.	asas nilai tanah pada waktu pengambilan diwartakan (11 Oktober 2007)	RM70,000 sehektar
ii.	tambah masa sebanyak 20%	RM14,000
iii.	tambah kelulusan dasar sebanyak 5%	RM3,500
	Jumlah	RM87,500 sehektar

[35] Oleh yang demikian responden diperintahkan membayar pampasan tambahan seperti berikut:

i.	Nilai tanah	-	RM87,500 per hectare
ii.	Jumlah pampasan	-	RM235,826.50
iii.	Tolak awad PTD	-	RM1,770,743.69
iv.	Jumlah pampasan tambahan	-	RM587,118.81

Tuntutan Severance, Disturbance Dan Damages

[36] Bagi tuntutan disturbance, responden telah menuntut sebanyak RM100,000 untuk bayaran *ikhtisas* yang terpaksa ditanggung bagi penyediaan pelan pembangunan. Manakala bagi tuntutan damages, responden menuntut sebanyak RM50,000 akibat daripada pencerobohan tanah oleh Kerajaan sebelum tanah diwartakan.

[37] Pemohon juga telah menuntut severance ke atas perkara-perkara berikut:

i.	Membina jalan baru ke FFB ramp dan jambatan penimbang (1.7 km panjang dan 4 meter lebar)	RM17,000
ii.	kehilangan tanaman akibat pembinaan jalan baru (RM10,603 sehektar setahun untuk keluasan 0.7069 hektar selama sembilam tahun)	RM96,000

A iii. pembinaan longkang dan pagar di sekeliling tanah diambil balik

– pagar 7,207 kaki @ RM5 sekaki RM36,035

– longkang 7,207 kaki @ RM3 sekaki RM57,000

B

[38] Walau bagaimanapun kami tidak membenarkan tuntutan severance, disturbance dan damages, tersebut memandangkan tuntutan-tuntutan ini tidak dikemukakan atau dituntut semasa siasatan dibuat di hadapan Pentadbir Tanah pada 16 Mac 2008 C selaras dengan peruntukan 4(b) Jadual Pertama Akta tersebut.

D

E

F

G

H

I